

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

SOALAN

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan permintaan terhadap penggunaan minyak sawit secara berkekalan.

JAWAPAN

Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah drastik untuk membantu meningkatkan permintaan minyak sawit negara secara berkekalan. Antara usaha yang telah mula menampakkan hasil adalah langkah peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan. Implementasi program ini telah membantu meningkatkan penggunaan domestik minyak sawit negara dengan anggaran peningkatan sebanyak 767,000 tan berbanding sekitar 350,000 tan ketika Program B7. Pelaksanaan program B7 bagi sektor industri pula bermula pada 1 Julai 2019. Ini akan meneruskan lagi impak positif tersebut terhadap industri sawit negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan meneruskan strategi-strategi jangka masa panjang bagi meningkatkan permintaan minyak sawit negara seperti berikut:

- i. memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara China, India, Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi

SOALAN NO : 330

menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika, Timur Tengah dan negara-negara ASEAN;

- ii. penghasilan produk hiliran sawit bernilai tambah tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- iii. meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau;
- iv. meneruskan kerjasama dengan Indonesia melalui kerangka Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC) untuk mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian bagi menangani isu-isu semasa mengenai industri sawit; dan
- v. melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Secara tidak langsung, kempen ini juga menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*From Malaysia, we speak to the world*' sebagai usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit yang memberi implikasi terhadap perdagangan minyak sawit Malaysia.

Dalam hal ini, Kerajaan menjangkakan impak positif pada masa hadapan terhadap harga minyak sawit melalui usaha dan strategi yang telah dinyatakan.

Sekian, terima kasih.